

22/08/2000

Penduduk kampung perlu skim pinjaman beli komputer

Yusa Suyot

SAYA tertarik untuk memberi pandangan mengenai hasrat kerajaan supaya majoriti rakyat Malaysia memiliki ilmu teknologi maklumat (IT) bagi menjadikan rakyat maju selaras dengan tuntutan dunia yang pesat berkembang.

Hasrat kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan seluruh rakyat memiliki ilmu pengetahuan dalam penggunaan IT sesuai dengan kemudahan Koridor Raya Multimedia yang dimiliki negara.

Bagaimanapun, hasrat itu akan dapat dicapai sekiranya kerajaan bersedia menyediakan kemudahan asas dan kemudahan pinjaman kewangan kepada rakyat yang berada dalam kampung yang belum ada kemudahan api elektrik dan tidak mampu membeli komputer untuk digunakan.

Kerajaan perlu menyediakan kemudahan asas seperti kuasa elektrik untuk membolehkan rakyat memiliki ilmu IT dan menggunakannya, maka dengan itu barulah rakyat di kampung dapat mengecap kemewahan hasil usaha kerajaan.

Rakyat di kampung tidak mempunyai wang tunai yang banyak untuk membeli komputer kerana mereka bergantung kepada hasil tanaman sayur dan buah-buahan untuk mendapat wang tunai, maka perlulah kerajaan menyediakan satu dana iaitu skim pinjaman yang perlu dibayar secara ansuran bulanan atau mingguan dan sebagainya.

Cara pembayaran mudah bagi rakyat di kampung tidak mendatangkan masalah untuk membayar balik asalkan ia dibuat bagi tempoh jangka masa yang panjang sesuai dengan pendapatan mereka.

Orang kampung kebanyakannya takut berhutang tetapi sekali berhutang mereka patuh membayar balik. Cara pentadbiran pengeluaran dan pungutan bayaran balik adalah lebih sesuai dikendalikan satu badan khas yang tidak melalui bank. Dengan cara demikian, ia juga membantu memberi peluang pekerjaan kepada rakyat yang tidak bekerja.

Sejak 1999 hingga kini sudah banyak dana untuk membantu peniaga kecil dan besar disediakan. Ini bermakna kerajaan peka dengan keperluan rakyat. Kini, sudah sampai masa kerajaan memikirkan pula keperluan rakyat di desa atau pedalaman yang jauh tertinggal dalam arus kemajuan IT.

Kalau ini dilakukan, hasrat Perdana Menteri kita mahukan rakyatnya pandai dan mahir IT akan tercapai.